

Mahu tindakan terhadap pihak sebabkan Pejabat Imigresen dilimpahi air PM marah paip bocor

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
dan NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 12 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi amat marah dengan kebocoran paip air di Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya semalam hingga menyebabkan operasinya 'terhenti' dan mahu tindakan tegas diambil terhadap pihak bertanggungjawab.

Perdana Menteri menegaskan, jika wujud penyelewengan dalam pembinaan bangunan tersebut, pihak bertanggungjawab perlu dikenakan tindakan kerana kejadian itu tidak sepatutnya berlaku pada bangunan baru seperti itu.

"Saya merasa amat marah, mengapa satu bangunan yang baru, sudah ada kerosakan seperti itu. Tentulah ada sesuatu yang tidak kena. Adakah kerosakan ini berlaku ketika bangunan itu dibina.

"Dalam perkara ini Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) telah diarah membuat siasatan terperinci mengenai kejadian tersebut. Setelah siasatan selesai mereka akan mengemukakan laporan kepada pihak kerajaan," katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz; Pemangku Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Ahmad Said Hamdan dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan.

Semalam, operasi Ibu Pejabat Imigresen di Putrajaya, 'terhenti' apabila berlaku kebocoran paip air di tingkat tujuh, melimpah hingga ke tingkat bawah.

Kejadian yang dipercayai berlaku sejak pukul 2 pagi itu menyebabkan lebih 3,000 orang yang mahu berurusan di situ terpaksa diarahkan ke pejabat cawangan di Kajang, Shah Alam, Wangsa Maju, Kelana Jaya dan Subang.

Seramai 150 tahanan warga asing yang ditempatkan di lokap di tingkat bahagian bawah bangunan itu, turut dipindahkan ke

Sambungan dari muka 1

PM marah paip bocor

Depoh Tahanan Imigresen di Semenyih dan Depoh Tahanan Lapangan Terbang Antarabangsa KL.

Selain siasatan, Abdullah berkata, usaha pemulihan juga perlu dilakukan segera kerana imigresen merupakan sebuah jabatan berorientasikan perkhidmatan kepada rakyat.

Beliau berkata, sekiranya usaha tersebut (pemulihan) tidak dilaksanakan dalam

tempoh terdekat, ia boleh menjejaskan urusan rakyat.

Ketika ditanya adakah kejadian itu boleh menjejaskan imej kerajaan, beliau berkata, orang akan melemparkan pelbagai tuduhan tetapi yang penting ketika ialah tindakan segera perlu diambil.

"Dalam kejadian ini ada dua perkara yang perlu kita tumpukan, pertama usaha untuk memulihkan pejabat imigresen

supaya ia dapat beroperasi semula.

"Kedua, melakukan siasatan sama ada kerosakan yang berlaku itu kerosakan biasa atau merupakan satu kealpaan di pihak kontraktor yang membina bangunan tersebut," katanya lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdullah mengakui antara kelemahan jabatan kerajaan ialah tidak menjalankan proses penyelenggaraan secara berkala kerana

wujud satu persepsi bangunan baru tidak perlu diselenggara.

"Sebenarnya setiap bangunan baru perlu sentiasa diperiksa dan diselenggara. Jika ada kerosakan, ia perlu diperbaiki segera. Pada peringkat awal mungkin ia hanya kerosakan kecil.

"Namun begitu jika dibiarkan ia boleh menjadi besar. Tengoklah apa yang berlaku di bangunan imigresen itu," ujarnya.